

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

21. Bilakah projek /program '*Medical Card*' bagi golongan Ibu Tunggal yang diluluskan dalam Bajet Tahun 2018 dapat dilaksanakan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Penang Sihat di mana isi rumah berpendapatan RM5,000 ke bawah akan menerima kredit RM300 setahun manakala individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM150 setahun dengan had RM50 setiap lawatan. Program ini bakal memanfaatkan 195,000 isi rumah dan dijangka akan menelan belanja sebanyak RM60 juta setahun.

Pada ketika ini, kad pintar "*I Love Penang*" masih dalam fasa pembangunan sistem dan *software* untuk menyokong program-program yang akan terlibat dalam program ini. Fasa kedua akan melibatkan program-program lain seperti iSejahtera dan Agenda Ekonomi Saksama (AES). Oleh yang demikian, kad ini bukan sahaja untuk program kesihatan malah ianya akan menjadi kad pintar pelbagai fungsi. Kad ini dijangka akan dilancar pada Januari 2019.